

SULIT

1249/2

Sejarah
Kertas 2
Ogos 2015
2 ½ jam

NO KAD PENGENALAN

						-		-			
--	--	--	--	--	--	---	--	---	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2015**

**SEJARAH
KERTAS 2**

Masa : Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan :

1. Tulis nama, nombor kad pengenalan, angka giliran dan tingkatan anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:
Bahagian A dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan tiga soalan daripada **Bahagian B**.
4. Tulis jawapan bagi **Bahagian A** dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Tulis jawapan bagi **Bahagian B** pada kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
6. **Ikat** helaian kertas jawapan **Bahagian B** pada kertas soalan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[Lihat Sebelah
SULIT

SULIT

(2)

1249/2


NO KAD RENGSENAJAHAN

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. Rajah 1 berkaitan dengan kerajaan awal di Asia Tenggara.



Rajah 1

- (a) Kerajaan agraria terbentuk di kawasan

- (i)
(ii) [2 markah]

- (b) Kerajaan Angkor merupakan kerajaan agraria yang kuat dan agung.

Pada pendapat anda, apakah faktor yang membawa kepada pengiktirafan tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....
..... [3 markah]

Lihat Sebelah

**[Lihat Sebelah
SULIT]**

SULIT

(3)

1249/2

- (c) Pada tahap awal, kerajaan Funan ialah kerajaan agraria tetapi kemudiannya berkembang menjadi sebuah kerajaan maritim.

Pada pandangan anda, mengapakah berlakunya keadaan ini?

.....
.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- (d) Kerajaan telah menjadikan slogan "Pertanian Satu Perniagaan" sebagai usaha untuk memajukan pertanian di negara kita.

Berikan komen anda terhadap pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

[Ketukam 3]

(e) Dalam perkembangannya, kerajaan Funan yang merupakan kerajaan maritim ini

.....
.....
.....
.....
.....

[Ketukam 3]

[Refleksi 3]

**[Lihat Sebelah
SULIT]**

2. Kedatangan Islam telah membawa perubahan kepada sistem ekonomi masyarakat Melayu tradisional apabila Melaka muncul sebagai pusat perdagangan yang penting di Alam Melayu sebelum abad ke-18.

- (a) Namakan **dua** mata wang yang digunakan di Tanah Melayu.

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Nyatakan ciri Islam yang terdapat pada mata wang di Negeri-negeri Melayu.

(i)
(ii)

[2 markah]

- (c) Mengapakah Melaka boleh muncul sebagai pusat perdagangan yang penting menjelang abad ke-15?

.....
.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- (d) Terangkan sistem percuaiyan yang diamalkan di Melaka.

.....
.....
.....
.....
.....

[2 markah]

SULIT

(5)

1249/2

Individu menerangkan perihal polik di Sarawak dan Sabah pada bulan Jun.

- (e) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan cukai kepada sesebuah negara?

.....
.....
.....
.....

[doktoris 2]

.....
.....
.....

- (b) Senarak dua perkara yang mencabar penyataan kerajaan kepada kerajaan daerah.

.....
.....

(b).....
.....

[doktoris 5]

- (c) Dua perkara yang berbeza mengenai peraturan yang diberlakukan tersebut.

.....
.....

.....
.....

.....
.....

.....
.....

.....
.....

.....
.....

.....
.....

.....
.....

.....
.....

[doktoris 6]

**[Lihat Sebelah
SULIT]**

SULIT

(6)

1249/2

3. Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara-negara lain di Asia Tenggara.

- (a) Nyatakan sebab berlakunya gerakan nasionalisme tahap pertama.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan **dua** tindakan Phibul Songram dalam gerakan nasionalisme pada tahap kedua?

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (c) Berdasarkan pengkajian anda, mengapakah Thailand berjaya mengekalkan kemerdekaan negaranya.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Sekiranya anda seorang pemimpin, apakah langkah yang perlu dilakukan untuk mengekalkan kedaulatan negara kita.

.....

.....

.....

[3 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

SULIT

(7)

1249/2

4. Jadual 1 menerangkan perubahan politik di Sarawak dan Sabah pada abad ke-20.

Tarikh	Peristiwa
8 Februari 1946	Vyner Brooke telah mengisytiharkan penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.
26 Jun 1946	Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada kerajaan British.

Jadual 1

- (a) Mengapakah Vyner Brooke bertindak sedemikian?

.....
.....
.....
.....

[1 markah]

- (b) Senaraikan **dua** persatuan yang menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

(i)
(ii)
[2 markah]

- (c) Bagaimanakah masyarakat tempatan di Sarawak menentang penyerahan tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (d) Mengapakah penyerahan Sabah oleh SBUB kepada kerajaan British tidak mendapat bantahan daripada penduduk tempatan?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[2 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

SULIT

(8)

1249/2

- (e) Pada pandangan anda, mengapakah kita perlu mempertahankan negara kita daripada penjajahan?

.....
.....

[2 markah]

[Lihat Sebelumnya] [Lihat Selanjutnya]


[Lihat Sebelah
SULIT]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.

5. Peta 1 menunjukkan lokasi pembentukan tamadun Hwang Ho.



Peta 1

- (a) Pada pandangan anda, apakah keistimewaan kawasan tersebut yang menyumbang kepada proses pembentukan Tamadun Hwang Ho. [4 markah]

- (b) Sejauh manakah Tamadun Hwang Ho telah menyumbang kepada tamadun dunia. [6 markah]

- (c) (i) Apakah iktibar daripada kejayaan tamadun Hwang Ho untuk kemajuan negara kita pada hari ini?

Berikan penjelasan anda. [6 markah]

- (ii) Pada pandangan anda bagaimakah kemajuan sesebuah tamadun dapat dikekalkan. [4 markah]

[Lihat Sebelah

SULIT

6. Peristiwa hijrah orang Islam telah berlaku pada 1 Rabiul Awal bersamaan 12 September tahun 622 M.
- (a) Sejauh manakah Perjanjian Aqabah telah merintis jalan ke arah berlakunya hijrah umat Islam dari kota Makkah ke kota Madinah. [4 markah]
- (b) Terangkan kepentingan peristiwa hijrah kepada perkembangan agama Islam. [6 markah]
- (c) i) Islam tersebar melalui dakwah islamiah dan bukannya melalui peperangan.
Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [4 markah]
- ii) Bagaimanakah kecemerlangan diri boleh dicapai melalui pengamalan konsep hijrah? [6 markah]
7. Sistem pendidikan vernakular yang diperkenalkan pada zaman penjajahan British banyak memberi kesan kepada masyarakat tempatan.
- (a) Jelaskan maksud sistem pendidikan vernakular. [4 markah]
- (b) Pada pandangan anda, mengapakah sistem pendidikan vernakular diwujudkan di negara kita pada zaman penjajahan British. [6 markah]
- (c) (i) Apakah kesan sistem pendidikan vernakular terhadap masyarakat setempat? [6 markah]
- (ii) Selepas merdeka kerajaan berusaha untuk menangani kesan sistem pendidikan vernakular.
Berjayakah kerajaan menangani kesan tersebut?
Berikan penjelasan anda. [4 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

SULIT

(11)

1249/2

8. (a) Jelaskan peranan akhbar, majalah dan novel sebagai penggerak kesedaran kebangsaan di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah sebelum Perang Dunia Kedua. [6 markah]
- (b) Apakah isu sosial dan pendidikan yang dibangkitkan oleh akhbar Melayu pada tahun 1920-an dan 1930-an? [4 markah]
- (c) (i) Sebagai seorang wartawan, apakah saranan anda untuk meningkatkan minat membaca di kalangan masyarakat di negara kita pada hari ini. [4 markah]
- (ii) Pada era kepantasan teknologi maklumat masa kini adakah media cetak masih sesuai digunakan sebagai agen penggerak pembangunan masyarakat?
- Berikan pendapat anda. [6 markah]

9. Pakatan murni yang bermula sejak tahun 1949 telah menjadi pendekatan yang berkesan untuk mendapatkan kemerdekaan negara tanpa menumpahkan darah.

- (a) Jelaskan usaha yang dilakukan oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu untuk mengadakan pakatan murni. [6 markah]
- (b) Terangkan kejayaan Parti Perikatan dalam melaksanakan pakatan murni sebelum kemerdekaan. [4 markah]
- (c) (i) Mengapakah setiap rakyat perlu menghormati prinsip pakatan murni? [6 markah]
- (ii) Apakah tanggungjawab anda untuk mengekalkan perpaduan kaum di negara ini?

Berikan penjelasan anda. [4 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

10. Pernyataan berikut berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru(DEB).

Pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 telah melakar sejarah dalam pembentukan dasar ekonomi Malaysia. DEB menekankan kepentingan mencapai sasaran sosioekonomi seiring dengan pertumbuhan ekonomi sebagai satu cara mewujudkan keharmonian dan perpaduan di dalam negara yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan agama. Matlamat utama DEB adalah untuk mewujudkan perpaduan negara.

Sumber :<http://www.epu.gov.my/dasar-ekonomi-baru>

- (a) Huraikan frasa “mencapai sasaran sosioekonomi seiring dengan pertumbuhan ekonomi sebagai satu cara mewujudkan keharmonian dan perpaduan”. [4 markah]
- (b) Apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ke arah mencapai matlamat pelaksanaan DEB? [6 markah]
- (c) (i) Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan kejayaan pelaksanaan DEB. [4 markah]
- (ii) Anda sebagai generasi muda.
Apakah peranan anda untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju dalam sektor ekonomi? [6 markah]

11. Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) telah ditubuhkan semasa Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967.

- (a) Jelaskan matlamat penubuhan persatuan tersebut. [4 markah]
- (b) Terangkan peranan dan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan ASEAN. [6 markah]
- (c) (i) Pada pandangan anda, bagaimanakah negara anggota ASEAN dapat mengekalkan keamanan dan kemakmuran serantau? [4 markah]
- (ii) Keanggotaan Malaysia dalam pelbagai pertubuhan di peringkat serantau dan antarabangsa telah menjadi pemangkin kepada kejayaan negara.
- Berikan pendapat anda. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2015**

**SEJARAH
KERTAS 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**SKEMA
PEMARKAHAN**

| Lihat Sebelah

Soalan	Butiran	Markah
1(a)	Kerajaan agraria terbentuk di kawasan F1 Kawasan pertanian yang subur F2 Di lembah sungai/Sungai Menam/Sungai Irrawady/Sungai Merah/Sungai Mekong F3 Di kawasan pedalaman Tanah Besar Asia Tenggara F4 Di kawasan berbukit / Tanah Tinggi Dieng F5 Di lereng tanah gunung berapi [Mana-mana 2 x 1 m]	2 1 1 1 1 1 [2m]
1(b)	Kerajaan Angkor merupakan kerajaan agraria yang kuat dan agung. Pada pendapat anda, apakah faktor yang membawa kepada pengiktirafan tersebut? F1 Mencapai kemajuan dalam bidang pertanian F2 Kedudukannya yang berhampiran dengan Tasik Tonle Sap F3 Terletak di Lembah Sungai Mekong F4 Mempunyai tanah lanar yang subur F5 Terdapat tanah pertanian/pamah yang luas F6 Iklim panas lembab sepanjang tahun sesuai untuk penanaman padi F7 Mempunyai sistem pengairan yang baik F8 Raja Indravarman I membina sendiri pengairan dan baray F9 Mampu membekalkan makanan yang cukup untuk penduduk yang ramai F10 Memperolehi sumber ikan air tawar dari Tasik Tonle Sap F11 Tasik Tonle Sap dan Sungai Mekong sumber sistem pengairan F12 Tasik Tonle Sap membekalkan sumber air minuman / kegunaan harian (Mana-mana jawapan yang munasabah) [Mana-mana 3 x 1 m]	3 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [3m]
1(c)	Pada tahap awal, kerajaan Funan ialah kerajaan agraria tetapi kemudiannya berkembang menjadi sebuah kerajaan maritim. Pada pandangan anda, mengapakah berlakunya keadaan ini? F1 Mempunyai pelabuhan Oc Eo yang terletak di muara Sungai Mekong F2 Kedudukan Oc Eo terlindung dari tiupan angin dari Teluk Siam F3 Kemudahan mendapatkan bekalan dan minuman di pelabuhan Oc Eo F4 Dapat membekalkan bahan tempatan kepada pedagang yang singgah F5 Berkembang daripada tempat berdagang kepada pelabuhan pembekal F6 Raja berfikiran strategik menukar status Funan daripada kerajaan agraria kepada kerajaan maritim (Mana-mana jawapan yang munasabah)	2 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [2m]

Soalan	Butiran	Markah
1(d)	<p>Kerajaan telah menjadikan slogan "Pertanian Satu Perniagaan" sebagai usaha untuk memajukan pertanian di negara kita.</p> <p>Berikan komen anda terhadap pernyataan tersebut.</p> <p>F1 Hasil pertanian di pasarkan ke luar negara F2 Mempelbagaikan hasil pertanian F3 Mengawal mutu hasil pertanian F4 Dijalankan secara ladang F5 Melibatkan tenaga buruh yang ramai F6 Menggunakan intensif modal F7 Teknologi moden untuk tambah kecekapan F8 Mengiklankan produk pertanian F9 Menyertai pameran produk pertanian F10 Menggalakkan golongan muda menyertai sektor ini F11 Menggalakkan bidang penyelidikan dan pembangunan pertanian F12 Penubuhan pelbagai agensi berkaitan untuk perkembangan</p> <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</p>	3
	[Mana-mana 3 x 1 m]	[3m]
2(a)	<p>Namakan dua mata wang yang digunakan di Tanah Melayu.</p> <p>F1 Kijang F2 Kupang F3 Bentuk ayam jantan F4 Katun F5 Mata wang perak Sepanyol F6 Dinar F7 Jongkong Tampang F8 Mata wang timah F9 Mata wang emas F10 Mata wang Pasai/Hormuz/Cambay F11 Mata wang bastardos/soldos/dinheiros F12 Mata wang ducats/lion dollars/rix dollars F13 Syiling Belanda</p>	<p>2</p> <p>1</p>
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
2(b)	<p>Nyatakan ciri Islam yang terdapat pada mata wang di Negeri-negeri Melayu.</p> <p>F1 Tertera nama sultan F2 Tercatat tarikh Islam F3 Tertulis gelaran Islam sultan seperti Khalifatul Mukminin F4 Tercatat tulisan Jawi/Arab seperti Malik atau Sultan al-Adil F5 Tertera pangkat sultan yang memerintah</p>	<p>2</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
2(c)	<p>Mengapakah Melaka boleh muncul sebagai pusat perdagangan yang penting menjelang abad ke-15?</p> <p>F1 Kedudukan Melaka yang sangat strategik F2 Kehadiran ramai pedagang asing F3 Melaka menjadi pusat perdagangan rempah F4 Pentadbiran yang licin dan teratur F5 Wujudnya jawatan laksamana bagi menjaga urusan kelautan</p>	<p>2</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

Soalan	Butiran	Markah
	F6 Wujudnya jawatan syahbandar sebagai ketua pelabuhan F7 Syahbandar bertanggungjawab terhadap hal ehwal perdagangan F8 Undang-Undang Laut Melaka digubal dan menjadi landasan untuk dipatuhi F9 Sistem sukatan dan timbangan telah diperkenalkan F10 Perdagangan dilakukan melalui kaedah pertukaran barang dan kaedah jual beli (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1
		[Mana-mana 2 x 1 m] [2m]
2(d)	Terangkan sistem percukaian yang diamalkan di Melaka	2
	F1 Sebelum urusan perdagangan dilakukan pedagang dikenakan cukai terhadap barang dagangan F2 Cukai tetap/import ditetapkan oleh pemerintah H2a Pedagang dari India, Ceylon, Arab, Siam dan Pegu dikenakan cukai enam peratus daripada nilai barang H2b Pedagang dari Jepun dan China dikenakan cukai sebanyak lima peratus F3 Bebas cukai H3a Beras dan makanan tidak dikenakan cukai F4 Cukai diraja H4a Orang asing dari Kepulauan Melayu dikenakan cukai diraja sebanyak tiga peratus H4b Orang asing lain dikenakan cukai enam peratus	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
		[Mana-mana 2 x 1 m] [2m]
2(e)	Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan cukai kepada sebuah negara?	2
	F1 Punca pendapatan negara. F2 Kerajaan dapat mentadbir dan mengurus negara dan juga bagi perbelanjaan membangunkan negara. F3 Dibelanjakan oleh kerajaan bagi tujuan keselamatan negara dan rakyat. F4 Pembangunan fizikal dan infrastruktur seperti jalan raya, hospital, sekolah. F5 Menjaga kebajikan rakyat. F6 Pengagihankekayaan F7 Melaksanakan pembangunan sosial (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1
		[Mana-mana 2 x 1 m] [2m]
3(a)	Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara-negara lain di Asia Tenggara. Nyatakan sebab berlakunya gerakan nasionalisme tahap pertama.	2
	F1 Kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja F2 Penentangan terhadap raja berkuasa mutlak F3 Perkembangan sistem pendidikan barat F4 Pendedahan terhadap fahaman liberal/sistem demokrasi/raja berperlembagaan	1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	F5 Kelemahan sistem pentadbiran Raja Vajiravudh F6 Sikap boroh Raja Vajiravudh F7 Muncul golongan intelektual seperti Pridi Panomyong dan Phibul Songram F8 Penubuhan Parti Rakyat pada 1932 untuk melancar Revolusi Thai 1932	1 1 1 1
		[Mana-mana 2 x 1 m] [2m]
3(b)	Jelaskan dua tindakan Phibul Songram dalam gerakan nasionalisme pada tahap kedua?	2
	F1 Meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi orang China F2 Sekolah China dibubarkan F3 Akhbar China dibubarkan F4 Penduduk perburui digalak melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi. F5 Jawatan tertinggi dalam kerajaan hanya untuk penganut ugama Buddha F6 Menukar nama Siam kepada Thailand yang bermaksud Tanah Bebas	1 1 1 1 1 1
		[Mana-mana 2 x 1 m] [2m]
3(c)	Berdasarkan pengkajian anda, mengapa Thailand berjaya mengekalkan kemerdekaan negaranya.	3
	F1 Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn melakukan pemodenan pentadbiran dengan memperkenalkan birokrasi Barat H1a Raja Mongkut melantik 80 orang penasihat Barat dalam pelbagai jabatan H1b Melatih pegawai-pegawai tempatan C1a Melantik penasihat kewangan dan pelabuhan serta polis dari Britain C1b Penasihat kastam dari Amerika Syarikat C1c Penasihat ketenteraan dari Perancis F2 Raja Chulalongkorn memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah, Majlis Mesyuarat Tertinggi, dan Menteri Kabinet H2a Menteri kabinet terdiri daripada golongan bangsawan yang berpendidikan barat C2a Juruaudit dari Britain dilantik supaya berkhidmat dalam perbendaharaan negara F3 Menukar sistem beraja mutlak kepada sistem raja berperlembagaan	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
		[Mana-mana 3 x 1 m] [3m]
3(d)	Sekiranya anda seorang pemimpin, apakah langkah yang perlu dilakukan untuk mengekalkan kedaulatan negara kita.	3
	F1 Mendampingi rakyat dan menyelami masalah dan cuba selesaikan F2 Menjalankan pengurusan pentadbiran negara dengan penuh tanggung jawab, amanah dan jujur. F3 Menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain berdasarkan dasar luar negara.	1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
F4	Bersikap berkecuali dan tidak campurtangan ke atas negara luar	1
F5	Menyelesaikan sebarang masalah negara yang timbul dengan cara musyawarah.	1
F6	Sentiasa merujuk kepada pakar dalam sesuatu bidang pentadbiran	1
F7	Menjaga kebijakan dan mengekalkan keharmonian rakyat	1
F8	Mermantapkan sistem pertahanan dan keselamatan negara	1
F9	Mengukuhkan perpaduan kaum	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	[Mana-mana 3 x 1 m]	[3m]
4(a)	Mengapa Vyner Brooke bertindak sedemikian?	1
F1	Beliau tua/uzur/lanjut usia	1
F2	Penggantinya tidak layak mentadbir dengan berkesan/ tiada waris	1
F3	Sokongan pegawai bukan bumiputera dan pegawai British dalam Majlis Negeri/ Majlis Negeri meluluskan rancangan menyerahkan Sarawak	1
F4	Desakan/ tekanan kerajaan British	1
F5	Tidak mempunyai sumber kewangan untuk membangunkan Sarawak selepas Perang Dunia Kedua	1
F6	Pertikaian keluarga	1
	[Mana-mana 1 x 1 m]	[1m]
4(b)	Senaraikan dua persatuan yang menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.	2
F1	Persatuan Melayu Sarawak (PMS)	1
F2	Persatuan Dayak Sarawak (PDS)	1
F3	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)	1
F4	Barisan Pemuda Sarawak (BPS)	1
F5	Barisan Pemuda Melayu (BPM) Sibu	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
4(c)	Bagaimakah masyarakat tempatan di Sarawak menentang penyerahan tersebut?	3
F1	Mengadakan demonstrasi/tunjuk perasaan/rapat umum/tentangan terbuka	1
F2	Menghantar surat bantahan/kawat/telegram kepada kerajaan British	1
F3	338 orang kakitangan awam meletakkan jawatan	1
F4	Pakatan sulit antara kaum terpelajar dengan orang muda	1
F5	Penubuhan kumpulan Rukun 13	1
F6	Rosli Dhobi menikam Sir Duncan Stewart/Gabenor Sarawak	1
F7	Menampal poster	1
F8	Kaum Ibu PKMS pergi ke kawasan pedalaman mendapatkan sokongan kaum Iban	1
F9	56 orang pelajar Maktab Perempuan Melayu meninggalkan pengajian	1
F10	Barisan Pemuda Melayu (BPM) Sibu mengadakan perhimpunan 250 perwakilan bumiputera	1
F11	Membuat sepanduk	1
F12	Penentangan melalui pertubuhan	1

Soalan	Butiran	Markah
F13	Penentangan melalui penulisan(contoh Sajak Oleh Rosli Dhobi) [Mana-mana 3 x 1 m]	1 [3m]
4(d)	Mengapakah penyerahan Sabah oleh SBUB kepada kerajaan British tidak mendapat bantahan daripada penduduk tempatan?	2
F1	Kesedaran politik di Sabah amat perlahan	1
F2	Pertubuhan politik yang tidak berkesan	1
F3	Kegiatan politik yang berpecah belah	1
F4	Taraf pendidikan rakyat yang masih rendah	1
F5	Persatuan Melayu Jesselton dan Barisan Pemuda Labuan bersifat sederhana	1
F6	Kesukaran menyebarkan idea dan maklumat	1
F7	Kurang pendedahan ideologi politik	1
F8	Perjuangan lebih bersifat sosioekonomi	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
4(e)	Pada pandangan anda, mengapakah kita perlu mempertahankan negara kita daripada penjajahan?	2
F1	Mengekalkan kedaulatan	1
F2	Mengekalkan bentuk pemerintahan sendiri	1
F3	Mengelakkan penindasan dan pencerobohan	1
F4	Mengelakkan campur tangan kuasa asing	1
F5	Melindungi kepentingan ekonomi	1
F6	Melindungi perpaduan kaum	1
F7	Menjamin kesejahteraan hidup	1
F8	Menjamin kebudayaan bangsa terpelihara	1
F9	Mengambil iktibar dari sejarah silam	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
5(a)	Pada pandangan anda, apakah keistimewaan kawasan tersebut yang menyumbang kepada proses pembentukan Tamadun Hwang Ho.	4
F1	Kesuburan tanah disekitar aliran Sungai Hwang Ho	1
F2	Sungai Hwang Ho mengalir dari kawasan tanah tinggi di sebelah barat ke Teluk Bo Hai di timur telah memenuhi keperluan penduduk	1
F3	Tamadun ini bersifat setempat kerana ciri-ciri fizikalnya bergunung ganang dan berpadang pasir	1
F4	Penemuan Peking Men membuktikan adanya penempatan awal di kawasan ini	1
F5	Penduduk nomad membuka kawasan ini sejak 400,000 tahun yang lampau iaitu sewaktu zaman Paleolitik lagi	1
F6	Mereka membina petempatan awal / tinggal tetap	1
F7	Memilik Tapak Banpo berdekatan bandar Sian moden sebagai petempatan awal	1

Soalan	Butiran	Markah
F8	Mereka menjalankan aktiviti pertanian / penternakan binatang/ mengumpul hasil hutan /berburu.	1
F9	Perkembangan penempatan awal telah melahirkan negara kota Anyang	1
F10	Bandar ini menjadi pusat pentadbiran Dinasti Shang	1
F11	Pembentukan Dinasti Shang telah membawa banyak kemajuan , khususnya peluasan wilayah/ penyebaran budaya	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4m]
5(b)	Sejauh manakah Tamadun Hwang Ho telah menyumbang kepada tamadun dunia.	6
F1	Sistem pemerintahan monarki	1
H1a	Gelaran raja ditukar kepada maharaja	1
H1b	Konsep raja dikaitkan dengan anak syurga	1
H1c	Kuasa raja adalah mandat dari syurga	1
H1d	Amalan putaran dinasti diteruskan hingga abad ke-20	1
F2	Pembinaan sistem pengairan	1
H2a	Pembinaan terusan untuk tujuan pertanian dan mengelakkan banjir	1
F3	Teknologi pertanian	1
H3a	Membajak tanah pertanian	1
H3b	Penggunaan cangkul	1
H3c	Penggunaan sabit	1
H3d	Menggunakan batas untuk tujuan penanaman	1
H3e	Menggantikan alat pertanian daripada kayu kepada besi	1
F4	Penggunaan tulisan ideogram	1
H4a	dalam bidang penulisan dan percetakan	1
H4b	Dikembangkan menjadi tulisan Jepun dan Korea	1
F5	Sistem Kepercayaan	1
H5a	Pemujaan roh nenek moyang	1
H5b	Konsep Yin dan Yang	1
H5c	Feng Shui	1
F6	Sistem kalender	1
H6a	Terdapat 30 hari sebulan dan 360 hari setahun	1
H6b	Amalan penggunaan kalender diteruskan untuk menjalani kehidupan harian iaitu perkahwinan,perburuan,pengkebumian	1
H6c	Menentukan musim menanam dan menuai	1
F7	Pengamalan falsafah perang Sun Tzu	1
H7a	Karya the Art of War membicarakan selok belok perang	1
H7b	Falsafah ini diaplikasi sebagai taktik dalam urusan perniagaan	1
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]
5(c)(i)	Apakah iktibar daripada kejayaan tamadun Hwang Ho untuk kemajuan negara kita pada hari ini? Berikan penjelasan anda.	6
F1	Berusaha untuk hidup lebih aman	1
F2	Kecekalan pemerintah mewujudkan pemerintahan yang stabil	1
F3	Kegigihan masyarakat membina penghidupan	1
F4	Inovatif menghasilkan teknologi	1

Soalan	Butiran	Markah
F11	Strategi untuk menyebarkan Islam	1
F12	Bertujuan mengukuhkan Islam kerana suasana aman di Madinah memudahkan penyebaran Islam	1
F13	Mengatasi penindasan orang Quraisy	1
F14	Penindasan penganut Islam menyebabkan aktiviti dakwah terjejas	1
F15	Mendamaikan masyarakat Madinah yang menghadapi konflik, iaitu antara suku Aus dan Khazraj	1
F16	Selepas hijrah, dakwah Islamiah dapat dijalankan dengan aman tanpa berselindung	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4m]
6(b)	Terangkan kepentingan peristiwa hijrah kepada perkembangan agama Islam.	6
F1	Dakwah Islamiah dapat dilaksanakan dengan aman	1
H1a	Dilakukan secara terbuka tanpa berselindung	1
F2	Menjalinkan hubungan persaudaraan sesama Islam	1
H2a	Suku Arab di Madinah iaitu suku Aus dan Khazraj didamaikan	1
H2b	Mempersaudarakan Orang Islam Makkah dan orang Islam Madinah	1
H2c	Sikap orang Islam di Madinah menyebabkan orang Islam Makkah tidak berasa asing atau rendah diri	1
F3	Menyatupadukan penduduk Madinah	1
H3a	Golongan yang berbeza dari segi kedudukan ekonomi dan sosial	1
H3b	Golongan yang terdiri dari pelbagai suku, budaya dan agama	1
F4	Baginda memberikan gelaran Muhajirin kepada orang Islam Makkah yang berhijrah dan Ansar kepada orang Islam Madinah yang memberikan bantuan	1
F5	Melahirkan kehidupan harmoni di Madinah	1
H5a	Masyarakat Madinah dapat menjalankan kegiatan ekonomi, agama dan lain-lain dengan baik	1
H5b	Masyarakat mencapai kemajuan dan kemakmuran	1
F6	Pembinaan Masjid Quba' dan Masjid al-Nabawi di Madinah	1
H6a	Tempat untuk beribadat /belajar /bertemu dan membincangkan masalah yang dihadapi oleh orang Islam	1
H6b	Persekutuan masjid untuk aktiviti harian seperti berjual beli dibolehkan	1
F7	Menukar nama Yathrib kepada Madinah al-Munawwarah atau Kota Bercahaya	1
H7a	Menjadikan Madinah sebagai pusat tamadun Islam	1
F8	Wujud kiraan tahun hijrah dalam takwim Islam	1
H8a	Digunakan pada pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab	1
H8b	Digunakan di negara Islam seperti Malaysia	1
F9	Malahirkan sikap toleransi dan tolong menolong	1
H9a	Lahir masyarakat yang cemerlang	1
F10	Memperlihatkan sokongan dan pengorbanan para sahabat seperti Saidina Abu Bakar As-Siddiq dan Saidina Ali bin Abi Talib	1
F11	Memperlihatkan peranan wanita dalam mengerakkan kemajuan negara seperti Asma' binti Abu Bakar	1

Soalan	Butiran		Markah
	F12	Hijrah membuktikan ketabahan hati Nabi Muhammad s.a.w meninggalkan Makkah dan sifat baginda yang bijaksana mengatur strategi perjuangan [Mana-mana 6 x 1 m]	1 [6m]
6(c)(i)		Islam tersebar melalui dakwah islamiah dan bukannya melalui peperangan. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.	4
	F1	Nabi berdakwah secara lemah lembut dan berhikmah.	1
	F2	Tidak memaksa orang memeluk Islam	1
	F3	Memujuk menggunakan akal	1
	F4	Membandingkan akhlak jahiliyah dengan akhlak Islam	1
	F5	Membaca ayat Quran untuk menjawab pertanyaan	1
	F6	Nabi berhijrah untuk menyebarkan Islam	1
	F7	Membina masjid untuk berdakwah	1
	F8	Menghantar warkah kepada Maharaja Rom untuk mengajak memeluk Islam	1
	F9	Menunjukkan teladan yang baik	1
	F10	Nabi bertindak berdasarkan wahyu	1
		[Mana-mana jawapan yang munasabah]	
		[Mana-mana 4 x 1 m]	[4m]
6(c)(ii)		Bagaimakah kecermerlangan diri boleh dicapai melalui pengamalan konsep hijrah?	6
	F1	Berfikiran positif berbanding negatif	1
	F2	Mengubah sikap malas kepada rajin	1
	F3	Berwawasan berbanding tiada hala tuju	1
	F4	Menuntut ilmu untuk mengelakkan kejahilan	1
	F5	Berakh�ak mulia berbanding akhlak jahiliyah	1
	F6	Tidak jalai dan sentiasa peka dengan perubahan	1
	F7	Sentiasa menepati masa	1
	F8	Patuh pada perintah tuhan berbanding engkar	1
	F9	Sentiasa mencari yang terbaik dalam kehidupan	1
	F10	Sentiasa memperbetulkan kesilapan yang dilakukan	1
	F11	Sanggup berkorban untuk agama,bangsa dan negara	1
		[Mana-mana jawapan yang munasabah]	
		[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]
7(a)		Jelaskan maksud sistem pendidikan vernakular	4
	F1	Menggunakan bahasa ibunda kaum masing-masing sebagai bahasa pengantar	1
	F2	Murid-murid daripada pelbagai kaum dipisahkan	1
	F3	Murid-murid tidak melalui sistem pendidikan yang sama	1
	F4	Pendidikan berorientasikan kaum	1
	F5	Kurikulum yang digunakan mengikut keperluan kaum masing-masing	1
	F6	Sukatan pelajaran dibawa dari negara asal	1
	F7	Guru-guru di bawa dari negara asal	1

Soalan	Butiran	Markah
F8	Buku Teks di bawa dari negara asal [Mana-mana 4 x 1 m]	1 [4m]
7(b).	Pada pandangan anda, mengapakah sistem pendidikan vernakular diwujudkan di negara kita pada zaman penjajahan British.	6
F1	Wujudnya masyarakat berbilang bangsa di Tanah Melayu ketika itu	1
F2	Dasar British membenarkan setiap kaum menggunakan sistem pendidikan masing-masing	1
F3	British lebih mengutamakan sekolah Inggeris sahaja	1
F4	British tidak mahu mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk membina sekolah	1
F5	Supaya tidak timbul semangat nasionalisme di kalangan penduduk	1
F6	British ingin terus menjajah Tanah Melayu	1
F7	British mahu orang Melayu kekal sebagai petani dan nelayan	1
F8	Untuk menjaga kepentingan kaum masing-masing	1
F9	Tunduk kepada tuntutan mubaligh/pengusaha ladang atau orang perseorangan	1
F10	Petempatan kaum yang berbeza mengikut pekerjaan rakyat	1
F11	Tidak mahu wujudnya interaksi antara rakyat di Tanah Melayu	1
	[Mana-mana jawapan yang munasabah]	
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]
7(c)(i)	Apakah kesan sistem pendidikan vernakular terhadap masyarakat setempat?	6
F1	Tidak wujud perpaduan kaum di Tanah Melayu	1
F2	Tiada perkongsian adat dan budaya kaum	1
F3	Lepasan sekolah Melayu sukar untuk mendapatkan pekerjaan	1
F4	Telah mengubah sistem pendidikan tradisional orang Melayu	1
F5	Sekolah Melayu diabaikan oleh British	1
F6	Sukar melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah	1
F7	Pengaruh komunis meresap masuk ke sekolah Cina	1
F8	Penempatan sekolah berdasarkan petempatan kaum	1
F9	Kerajaan British mewartakan Enakman Pendaftaran Sekolah	1
F10	Lahirnya golongan elit lepasan sekolah Inggeris	1
F11	Berlakunya diskriminasi dalam pendidikan	1
F12	British terus kekal menjajah Tanah Melayu	1
F13	Orang Melayu terus mundur	1
F14	Kaum pendatang tidak dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik	1
F15	Membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan orang Melayu.	1
	[Mana-mana jawapan yang munasabah]	
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]

Soalan	Butiran	Markah
7(c)(ii)	<p>Selepas merdeka kerajaan berusaha untuk menangani kesan sistem pendidikan vernakular. Berjayakah kerajaan menangani kesan tersebut? Berikan penjelasan anda.</p> <p>Ya / Berjaya</p> <p>H1 Sekolah kebangsaan/Jenis kebangsaan ditubuhkan H2 Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah H3 Sekolah menengah diwujudkan H4 Dasar pendidikan kebangsaan digubal H5 Kurikulum yang sama H6 Buku teks/sukatan pelajaran yang sama H7 Sistem peperiksaan/penilaian yang sama H8 Agihan sumber kewangan sama rata H9 Wujudnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan H10 Sekolah Wawasan ditubuhkan untuk pupuk perpaduan H11 Bahasa Melayu/sejarah subjek wajib lulus peringkat SPM [Mana-mana jawapan yang munasabah]</p> <p>[Pendirian + mana-mana 3H] [4m]</p> <p>Tidak Berjaya</p> <p>H12 Masih ada sekolah mirip kepada kaum tertentu H13 Isu perpaduan masih belum selesai ditangani dengan baik H14 Pelaksanaan dasar pendidikan negara dipolitikkan H15 Tuntutan kaum-kaum tertentu bersifat prejudis H16 Penggunaan Bahasa Melayu di kalangan bukan Melayu dipengaruhi dailek bahasa ibunda H17 Masih wujudnya sekolah Jenis Kebangsaan [Mana-mana jawapan yang munasabah]</p> <p>[Pendirian + mana-mana 3H] [4m]</p>	4
8(a)	<p>Jelaskan peranan akhbar, majalah dan novel sebagai penggerak kesedaran kebangsaan di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah sebelum Perang Dunia Kedua</p> <p>(Catatan: Skema borong: Mana-mana jawapan dari akhbar, majalah dan novel boleh diterima)</p> <p>Akhbar</p> <p>F1 Pada masa itu munculnya penulis akhbar terkenal seperti Zainal Abidin b Ahmad F2 Munculnya wartawan berkaliber seperti Dato' Onn Jaafar dan Abdul Rahim Kajai F3 Tulisan bernas mereka membangkitkan kesedaran kebangsaan orang Melayu F4 Mengajak orang Melayu memajukan diri/memajukan bangsa Melayu F5 Meminta orang Melayu bersatu padu F6 Mengkritik dasar British yang menekan orang Melayu F7 Membangkitkan persoalan tentang sosial/pendidikan /ekonomi / politik</p>	6

Soalan	Butiran	Markah
F8	Semua isu ini ditulis dalam akhbar Warta Malaya/Lembaga Malaya/Majlis/Utusan Melayu/Warta Negara/Fajar Sarawak Majalah	1
F9	Memfokuskan persoalan untuk memajukan bangsa	1
F10	Menyentuh isu kemajuan bangsa dalam pendidikan/ekonomi/bahasa/sastera	1
F11	Menyentuh isu politik antipenjajahan dan orang asing	1
F12	Setiap isu disiarkan melalui rencana dan puisi	1
F13	Antara majalah terkenal ialah Majalah Guru/Pengasuh/ Bulan Melayu Novel	1
F14	Membawa mesej semangat kebangsaan yang patut dimiliki oleh generasi muda Melayu pada masa itu	1
F15	Menuntut sikap menentang penjajah dalam apa jua bentuk	1
F16	Membela maruah bangsa	1
F17	Menggalakkan wanita bersikap positif	1
F18	Memajukan diri bagi membangunkan bangsa	1
F19	Segala mesej ini dimuatkan dalam novel Putera Gunung Tahan/Anak Mat Lela Gila/Melor Kuala Lumpur	1
	Butiran	Markah
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]
8(b)	Apakah isu sosial dan pendidikan yang dibangkitkan oleh akhbar Melayu pada tahun 1920-an dan 1930-an?	4
F1	Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu	1
F2	Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan	1
F3	Menyeru orang Melayu supaya meninggalkan sikap negatif	1
F4	Menggalakkan tabungan di kalangan orang Melayu untuk pendidikan anak-anak	1
F5	Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu	1
F6	Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk kemajuan orang Melayu	1
F7	Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dengan memberikan nilai ekonomi	1
F8	Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran British	1
F9	Menyeru orang Melayu tidak meninggalkan pendidikan Islam	1
F10	Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4m]
8(c)(i)	Sebagai seorang wartawan, apakah saranan anda untuk meningkatkan minat membaca di kalangan masyarakat di negara kita pada hari ini.	4
F1	Melancarkan kempen membaca di kalangan masyarakat	1
F2	Membina lebih banyak perpustakaan/pusat sumber	1
F3	Minat membaca diterapkan sejak awal kanak-kanak	1
F4	Menurunkan harga buku	1
F5	Kekerapan penganjuran pesta buku	1
F6	Perpustakaan bergerak	1

Soalan	Butiran	Markah
F7	Pertandingan membuat ulasan buku	1
F8	Toko – Toko buku membuat tawaran hebat/ hadiah setiap pembelian buku	1
F9	Menambahkan nilai bantuan Baucar Buku [Mana-mana jawapan yang munasabah]	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4m]
8(c)(ii)	Pada era kepentasan teknologi maklumat masa kini adakah media cetak masih sesuai digunakan sebagai agen penggerak pembangunan masyarakat? Berikan pendapat anda. Ya,sesuai	6
H1	Memaparkan isu yang boleh membangkitkan semangat masyarakat untuk mencapai kemajuan	1
H2	Memuatkan pelbagai informasi yang boleh menambahkan ilmu pengetahuan	1
H3	Menonjolkan kejayaan tokoh ekonomi yang boleh dijadikan ikon	1
H4	Memuatkan pelbagai iklan bagi memudahkan masyarakat merebut peluang ekonomi	1
H5	Golongan tua masih menjadikan media cetak sebagai bahan informasi	1
H6	Banyak peluang pekerjaan disiarkan melalui akhbar	1
H7	Memaparkan berita berkaitan program /dasar pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan	1
H8	Masih ada kawasan luar bandar yang capaian internetnya perlahan/rendah	1
	[Mana-mana jawapan yang munasabah]	
	[Pendirian + mana-mana 5H]	[6m]
	Tidak sesuai	1
H9	Maklumat yang dicetak memerlukan kelulusan kerajaan	1
H10	Tidak semua rencana memuatkan perkara yang positif	1
H11	Banyak isu-isu sensitif tidak boleh disiarkan/ditulis	1
H12	Tidak ada penulis yang betul berkaliber	1
H13	Ada maklumat yang tidak tepat/ berbaur fitnah	1
H14	Melibatkan kos/perbelanjaan yang agak besar	1
H15	Minat membaca di kalangan masyarakat masih rendah	1
H16	Infomasi bersifat memihak kepada /berat sebelah	1
	[Mana-mana jawapan yang munasabah]	
	[Pendirian + mana-mana 5H]	[6m]
9(a)	Jelaskan usaha yang dilakukan oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu untuk mengadakan pakatan murni.	6
F1	Membentuk Jawatankuasa Hubungan Antara kaum(JHAK)	1
H1a	JHAK dianggotai oleh kaum Melayu, Cina dan India	1
H1b	JHAK mengutamakan perpaduan untuk kemerdekaan	1
F2	JHAK mengadakan rundingan dengan UMNO	1

Soalan	Butiran	Markah
H2a	Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) ditubuhkan untuk memajukan masyarakat luar bandar, pemberian kerakyatan kepada imigran dan pelaksanaan pilihan raya pada masa sesuai	1
F3	Dato' Onn Jaafar mencadangkan keahlian UMNO dibuka kepada orang bukan Melayu	1
H3a	Beliau dikecam kerana orang Melayu enggan mengubah struktur UMNO	1
H3b	Dato' Onn meninggalkan UMNO	1
F4	Dato' Onn menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP)	1
H4a	Beliau membuka keahlian IMP kepada semua kaum	1
H4b	Konsep kerjasama kaum dalam satu parti diutamakan	1
F5	Pihak British menganjurkan Persidangan Kebangsaan	1
H5a	Ditubuhkan oleh Sir Malcolm MacDonald	1
H5b	Tujuannya ialah mencapai kerjasama politik dan mengurangkan perkauman	1
F6	Tunku Abdul Rahman menganjurkan Konvensyen Kebangsaan	1
H6a	Konvensyen dianjurkan bersama MCA	1
H6b	Konvensyen ini disertai oleh pelbagai parti politik	1
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]
9(b)	Terangkan kejayaan Parti Perikatan dalam melaksanakan pakatan murni sebelum kemerdekaan.	4
F1	Kerjasama UMNO-MCA	1
H1a	Menangi Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952	1
H1b	Menangi Pilihan Raya Majlis Perbandaran di beberapa bandar utama	1
F2	Penubuhan Parti Perikatan	1
H2a	Menangi Pilihan Raya Negeri 1954	1
H2b	MIC menyertai pada tahun 1955	1
F3	Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Raya Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan (MPP)	1
H3a	Dianggotai oleh pemimpin Parti Negara/UMNO/MCA/MIC	1
F4	PERIKATAN memenangi Pilihan Raya MPP 1955	1
H4a	Berjaya menuju kerajaan dan membentuk kabinet	1
H4b	Tunku Abdul Rahman dipilih menjadi Ketua Menteri	1
H4c	Tunku melantik anggota kabinet daripada pelbagai kaum	1
H4d	Tunku Abdul Rahman mengetuai rundingan kemerdekaan	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4m]
9(c)(i)	Mengapa setiap rakyat perlu menghormati prinsip pakatan murni?	6
F1	Mewujudkan kestabilan politik	1
F2	Menjamin kebijakan kepada semua kaum	1
F3	Membahagikan hak yang adil antara kaum	1
F4	Memupuk perpaduan kaum	1
F5	Menjamin keamanan negara	1
F6	Meningkatkan kemakmuran negara	1
F7	Menggalakkan perkembangan ekonomi	1

Soalan	Butiran	Markah
	F8 Mengelakkan permusuhan kaum F9 Semua kaum memainkan peranan dalam mengekalkan kedaulatan [Mana-mana jawapan yang munasabah]	1 1 1
		[Mana-mana 6 x 1 m] [6m]
9(c)(ii)	Apakah tanggungjawab anda untuk mengekalkan perpaduan kaum di negara ini? Berikan penjelasan anda.	4
	F1 Mengamalkan sikap bertolak ansur F2 Menjalin kerjasama yang erat F3 Memupuk semangat kekitaan F4 Bersikap terbuka F5 Menjaga sentimen perkauman F6 Mengamalkan sikap hormat-menghormati F7 Merealisasikan konsep 1 Malaysia F8 Tidak mudah terpengaruh dengan dakyah untuk perpecahan kaum F9 Menyertai aktiviti/kempen yang berkaitan perpaduan [Mana-mana jawapan yang munasabah]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
		[Mana-mana 4 x 1 m] [4m]
10(a)	Huraikan frasa "mencapai sasaran sosioekonomi seiring dengan pertumbuhan ekonomi sebagai satu cara mewujudkan keharmonian dan perpaduan".	4
	F1 Usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum F2 Menambah pendapatan F3 Menyediakan peluang pekerjaan F4 Merapatkan jurang ekonomi F5 Menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi F6 Menyusun semula masyarakat F7 Meningkatkan taraf hidup rakyat F8 Meningkatkan produktiviti F9 Mengimbangi pemilikan harta dan saham antara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera [Mana-mana jawapan yang munasabah]	1 1 1 1 1 1 1 1 1
		[Mana-mana 4 x 1 m] [4m]
10(b)	Apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ke arah mencapai matlamat pelaksanaan DEB?	6
	F1 Membuka tanah rancangan F2 Penumpuan kepada penanaman getah dan kelapa sawit F3 Meningkatkan infrastruktur dan kemudahan untuk luar bandar F4 Menggalakkan penduduk luar bandar terlibat dalam bidang perniagaan F5 Memberi bantuan modal kepada bumiputra F6 Bantuan teknikal kepada bumiputra F7 Memberi tumpuan dalam sektor pembangunan industri dan pembangunan bandar baru	1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
F8	Memperluaskan peranan agensi pembangunan wilayah	1
F9	Menggalakkan pelaburan modal asing	1
F10	Melancarkan Pelan Induk Perindustrian	1
F11	Menyediakan hala tuju perindustrian negara	1
F12	Menggalakkan industri desa seperti industri kraftangan	1
F13	Memperluaskan kemudahan kredit dan insentif	1
F14	Memajukan bidang penyelidikan dan pembangunan	1
F15	Meningkatkan kecekapan guna tenaga bagi meningkatkan produktiviti negara	1
	[Mana-mana jawapan yang munasabah]	
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]
10(c)(i)	Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan kejayaan pelaksanaan DEB.	4
F1	Berjaya mengurangkan jurang kaum dan wilayah	
F2	Kadar kemiskinan dapat dikurangkan	
F3	Pendapatan perkapita negara meningkat	
F4	KDNK semakin meningkat	
F5	Hak milik modal saham kaum bumiputera semakin meningkat	
F6	DEB memberi manfaat kepada semua kaum	
F7	Taraf hidup masyarakat luar bandar berjaya ditingkatkan	
F8	Pendapatan perkapita kaum bumiputera berjaya ditingkatkan	
F9	Kaum Bumiputera dapat melibatkan diri dalam perdagangan	
F10	Masyarakat luar bandar menikmati kemudahan pendidikan	
	[Mana-mana jawapan yang munasabah]	
	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4m]
10(c)(ii)	Anda sebagai generasi muda. Apakah peranan anda untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju dalam sektor ekonomi?	6
F1	Meningkatkan ilmu pengetahuan	1
F2	Amalkan sahsiah yang baik	1
F3	Mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu kemahiran	1
F4	Bersedia menerima arus pemodenan	1
F5	Meningkatkan disiplin diri	1
F6	Pengurusan kewangan yang bijak	1
F7	Mengekalkan perpaduan kaum	1
F8	Menceburi mana-mana sektor ekonomi yang membawa keuntungan	1
	[Mana-mana jawapan yang munasabah]	
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]
11(a)	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) telah ditubuhkan semasa Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967. Jelaskan matlamat penubuhan persatuan tersebut.	4
F1	Mengekalkan kestabilan politik dirantau Asia Tenggara	1
F2	Membantu antara satu sama lain dalam bidang ekonomi	1
F3	Membantu dalam bidang sosial dan kebudayaan	1
F4	Meningkatkan taraf hidup penduduk	1

Soalan	Butiran	Markah
F5	Kerjasama dalam bidang pertanian	1
F6	Kerjasama dalam bidang perdagangan	1
F7	Kerjasama dalam bidang perindustrian	1
F8	Membantu dalam bentuk latihan	1
F9	Membantu dalam penyelidikan	1
F10	Mengadakan hubungan yang erat dengan persatuan dan pertubuhan	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4m]
11(b)	Terangkan peranan dan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan ASEAN.	6
F1	Menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur pada November 1971	
F2	Memberi kata sepakat mengisyiharkan negara-negara ASEAN sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)	
F3	Mengatasi masalah pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea	
F4	Turut serta dalam mesyuarat bagi membentuk kerajaan Demokratik Campuran Kampuchea	
F5	Membuat keputusan ASEAN ialah Zon Bebas Senjata Nuklear	
F6	Mengisyiharkan larangan menggunakan perairan dan pelabuhannya untuk mana-mana kapal yang mengangkut bahan atau senjata nuklear	
F7	Bekerjasama dalam projek perindustrian	
F8	Contohnya projek baja urea di Bintulu(Sarawak) serta di Aceh	
F9	Menyertai kerjasama ekonomi negara-negara ASEAN	
F10	Dengan cara mewujudkan zon Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang diumumkan dalam Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura 1992	
F11	Mengemukakan idea mewujudkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) F12 Korea Selatan	
F12	Memperluaskan kerjasama ekonomi yang melibatkan China, Jepun dan Korea Selatan	
F13	Kerjasama secara tidak rasmi diteruskan melalui konsep ASEAN + 3	
F14	Kerjasama dalam bidang pendidikan	
F15	Tertubuhnya Pertubuhan Menteri - Menteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO) yang memberikan tumpuan ke arah kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan	
F16	Pembinaan Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik (RECSAM) di Pulau Pinang	
F17	Mengadakan kerjasama dalam bidang kebudayaan dan sosial	
F18	Seperti mengadakan festival kebudayaan dan kesenian	
F19	Menubuhkan Tabung Kebudayaan ASEAN	
F20	Mengadakan kerjasama dalam bidang penyiaran	
F21	Pertukaran rancangan televisyen dan radio	
F22	Mengadakan kerjasama dalam bidang sukan	
F23	Melalui penganjuran Sukan SEA	
F24	Menjalin kerjasama dalam bidang pelancongan	
F25	Mengadakan Tahun Melawat ASEAN 1992	

[Mana-mana 6 x 1 m] [6m]

Soalan	Butiran	Markah
11(c)(i)	<p>Pada pandangan anda,bagaimanakah negara anggota ASEAN dapat mengekalkan keamanan dan kemakmuran serantau?</p> <p>F1 Sentiasa bekerjasama dalam semua bidang F2 Sikap tolong-menolong dan saling menghormati F3 Menjalankan pertukaran dalam pelbagai bidang kepakaran F4 Menjalin hubungan ekonomi yang berkesan F5 Sentiasa bermesyuarat antara negara anggota F6 Latihan bersama dari segi ketenteraan F7 Pemimpin sentiasa bertanya khabar F8 Memberi bantuan kepada negara anggota yang menghadapi bencana F9 Menyertai pelbagai pertandingan sukan bersama : SEA F10 Membantah sebarang pencerobohan luar [Mana-mana jawapan yang munasabah]</p>	4
11(c)(ii)	<p>Keanggotaan Malaysia dalam pelbagai pertubuhan di peringkat serantau dan antarabangsa telah menjadi pemangkin kepada kejayaan negara. Berikan pendapat anda.</p> <p>F1 Keamanan negara terjamin F2 Kedaulatan negara terpelihara F3 Kemajuan dalam ekonomi F4 Menjadi rantau bebas daripada ancaman senjata nuklear F5 Menjadi negara contoh dalam membanteras ancaman dadah F6 Malaysia menjadi hab halal F7 Mewujudkan pasaran bebas F8 Berjaya menganjurkan pelbagai acara sukan F9 Mendapat bantuan dari pelbagai pihak bila berlaku bencana F10 Sektor pelancongan berkembang pesat [Mana-mana jawapan yang munasabah]</p>	[Mana-mana 4 x 1 m] [4m] 6